



KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2023

**PENERAPAN
PRINSIP ALAM SEKITAR,
SOSIAL DAN TADBIR URUS
(ESG) DALAM PELABURAN
OLEH SYARIKAT PELABURAN
BERKAITAN KERAJAAN
(GLIC) DAN SYARIKAT
MENTERI KEWANGAN
DIPERBADANKAN (MKD)**

9 OGOS 2022 | SELASA

KERTAS KONSULTASI AWAM

PENERAPAN PRINSIP ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) DALAM PELABURAN OLEH SYARIKAT PELABURAN BERKAITAN KERAJAAN (GLIC) DAN SYARIKAT MENTERI KEWANGAN DIPERBADANKAN (MKD)

Kertas Konsultasi Awam (KKA) yang diterbitkan ini merupakan salah satu langkah di dalam proses penyediaan Bajet 2023. Salinan kertas konsultasi ini boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Kementerian Kewangan <https://budget.mof.gov.my/bajet2023/kertaskonsultasi/>

Kementerian Kewangan menjemput semua pihak mengemukakan maklum balas bertulis ke atas cadangan yang dibentangkan di dalam kertas konsultasi ini pada atau sebelum jam 5.00 petang 23 Ogos 2022 melalui <https://bit.ly/3QkBdnL>

Maklum balas yang diterima akan digunakan sebagai asas bagi penetapan polisi oleh Kementerian Kewangan di dalam cadangan penerapan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam pelaburan oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Maklumat berkaitan data persendirian seperti nama tidak akan didedahkan jika dinyatakan secara jelas di dalam maklum balas,

Soalan dan keperluan maklumat lanjut boleh dikemukakan melaui emel kkaqic@treasury.gov.my

Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan
Kementerian Kewangan

9 Ogos 2022

ISI KANDUNGAN

NO.	PERKARA	M/SURAT
1.	OBJEKTIF	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	ISU BERBANGKIT	4
4.	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	5
5.	JANGKAAN IMPAK	6
6.	RUMUSAN	7
7.	SOALAN DAN MAKLUM BALAS	7

1. OBJEKTIF

- 1.1. Kertas konsultasi ini menggariskan cadangan penambahbaikan ke atas pengurusan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) melalui penerapan prinsip kemampanan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam perniagaan dan pelaburan oleh GLIC dan syarikat MKD.
- 1.2. Objektif cadangan adalah:
 - i. Meningkatkan peluang GLIC dan syarikat MKD mendapat pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang bagi projek;
 - ii. Meningkatkan daya saing syarikat;
 - iii. Menyumbang kepada agenda iklim dan kemampanan negara; dan
 - iv. Membantu negara mencapai pertumbuhan yang mampan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. GLIC merupakan syarikat berkaitan pelaburan Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan sebahagian atau semua dananya kepada pelaburan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Pelantikan ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanannya dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, di mana individu ini melaporkan terus kepada Kerajaan Persekutuan. Pembiayaan entiti untuk operasi dan/atau modal (dan beberapa pendapatan) yang diletakkan oleh pemegang unit atau penyumbang mungkin dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.
- 2.2. Di Malaysia, terdapat tujuh (7) buah entiti yang dirujuk sebagai GLIC iaitu Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Haji (LTH), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).
- 2.3. GLIC mempunyai kawalan ke atas GLC (syarikat yang objektif utamanya adalah lebih tertumpu kepada komersil) apabila GLIC tersebut merupakan pemegang saham majoriti atau pemegang saham tunggal terbesar. GLIC juga mempunyai kemampuan untuk melaksana dan mempengaruhi keputusan penting GLC seperti melantik Ahli Lembaga Pengarah serta pengurusan atasan dan membuat keputusan utama seperti pemberian kontrak, strategi, penstrukturran semula dan pembiayaan, perolehan serta pelaburan.
- 2.4. MKD adalah salah satu daripada entiti di dalam GLIC dan merupakan sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957. Akta ini memberi kuasa kepada MKD menyertai kontrak, mengambil alih, membeli, mengambil, memegang dan menikmati segala harta alih dan harta tidak alih.

2.5. Tujuan MKD ditubuhkan adalah seperti berikut:

- i. Memenuhi jurang pasaran di mana terdapat kurang penglibatan sektor swasta disebabkan oleh kos pelaburan yang tinggi dan kesukaran menembusi pasaran;
 - ii. Menyedia khidmat sosial kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan awam dan utiliti;
 - iii. Merancakkan pertumbuhan ekonomi dengan melabur dalam sektor strategik seperti penyelidikan dan pembangunan teknologi; dan
 - iv. Menarik pelabur tempatan dan asing melabur dalam bidang khusus seperti bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi.
- 2.6. Pada masa ini, terdapat 43 buah syarikat MKD yang aktif di pasaran dalam pelbagai sektor termasuk sosial dan komersil merangkumi bidang pengangkutan, tenaga, teknologi, perladangan, perkhidmatan, pelaburan, kewangan dan harta tanah. Kehadiran syarikat MKD di pasaran telah membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi negara terutama pasca COVID-19.

3. ISU BERBANGKIT

3.1. Komitmen terhadap perjanjian antarabangsa

- i. Di bawah Perjanjian Paris yang dipersetujui pada 2015, Malaysia komited untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 45% berbanding pelepasan pada tahun 2005 menjelang 2030 dan menjadi negara neutral karbon seawal 2050. Komitmen ini disokong dengan pelbagai inisiatif kemampanan seperti langkah pengurangan karbon yang mampan dan tiada pembinaan loji janakuasa arang batu yang baharu;
- ii. Kerajaan turut mengumumkan pelbagai inisiatif kemampanan dalam Bajet 2022, termasuk penubuhan Pasaran Karbon Secara Sukarela (*Voluntary Carbon Market - VCM*) oleh Bursa Malaysia, pemberian padanan untuk menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana menggunakan bahan mentah yang mampan dan tenaga boleh diperbaharui melalui Kemudahan Peralihan Rendah Karbon Bank Negara Malaysia, dan terbitan Sukuk Kelestarian bernilai RM10 bilion; dan
- iii. Matlamat pertumbuhan jangka panjang yang mampan tidak akan mampu dicapai tanpa sokongan daripada syarikat domestik yang perlu disokong menerusi penggalakan pelaburan dan pelaksanaan inisiatif kemampanan. Sehubungan itu, GLIC dan syarikat MKD harus turut memainkan peranan di dalam menyokong inisiatif kemampanan negara melalui pengukuhan komitmennya kepada ESG.

3.2. Penerapan prinsip ESG yang masih rendah dalam GLIC dan MKD

- i. Di peringkat global, perubahan sedang pesat berlaku dalam semua aspek termasuk sosial, politik, ekonomi, dan yang paling ketara iaitu alam sekitar. Perubahan ketara ke atas alam sekitar ini telah mendesak syarikat-syarikat untuk menjalankan perniagaan dan melabur dalam pelaburan yang mampan bagi memastikan impak minima ke atas kedudukan dan kewangan syarikat;
- ii. Pada tahun 2020, jumlah produk pelaburan bertemakan kemampunan telah meningkat lebih daripada 80% kepada AS\$3.2 trilion berbanding 2019. Komitmen antarabangsa ke arah matlamat iklim dan pembangunan mampan juga telah meningkatkan permintaan untuk pelaburan mampan walaupun menghadapi ketidaktentuan ekonomi global dan krisis kesihatan;
- iii. Walaupun berlaku peningkatan pelaburan mampan di peringkat global, pelaburan bertema ESG masih dianggap baru di Malaysia. Penerapan prinsip ESG dan pelaburan mampan dalam aktiviti perniagaan dan pelaburan GLIC dan syarikat MKD masih rendah. Ini mungkin berikutan kekurangan kesedaran awam di kalangan komuniti pelabur dan Lembaga Pengarah serta pengurusan kanan syarikat ke atas pelaburan mampan; dan
- iv. Pada masa yang sama, tiada *standard* yang diperkenalkan bagi penerapan ESG dalam perniagaan maupun pelaburan mampan untuk dijadikan sebagai rujukan syarikat. Sekiranya keadaan ini berterusan, ia dikhuatiri akan mengurangkan daya saing dan peluang pembiayaan kepada GLIC dan syarikat MKD, seterusnya merencatkan usaha kerajaan dalam mengarusperdanakan agenda kemampunan merentas sektor dan industri.

4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

4.1. Penerapan prinsip ESG dalam perniagaan dan pelaburan MKD

- i. Pertumbuhan mampan merupakan sebahagian daripada agenda negara di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara tercapai. Selain itu, beberapa dokumen strategik lain juga telah dikeluarkan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan untuk menyediakan panduan dan hala tuju dasar yang lebih besar ke arah mewujudkan Malaysia yang lebih mampan, seperti Pelan Strategik Kelestarian Alam Sekitar, Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara dan Pelan Induk Teknologi Hijau;
- ii. Pengumuman Kerajaan mengenai sasaran negara neutral karbon menjelang 2050 juga akan memastikan Malaysia mencapai matlamat pembangunan mampan dan seiring dengan usaha negara lain untuk mencapai matlamat global dalam menangani

perubahan iklim serta meningkatkan daya saing negara;

- iii. Bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, pemulihian ekonomi negara perlu berpaksikan prinsip ESG. Langkah ini juga seiring dengan matlamat Kerajaan untuk menggiatkan semula pembangunan sosioekonomi negara dengan kemampanan;
- iv. Mengambil kira ESG yang semakin diiktiraf kepentingannya dan tidak lagi terhad kepada negara maju, adalah perlu bagi GLIC dan syarikat MKD untuk turut meningkatkan penerapan ESG ini di dalam perniagaan dan pelaburan syarikat. Ia juga sejajar dengan peranan GLIC ke arah mewujudkan nilai jangka panjang dan impak kepada ekonomi, serta menyokong komitmen Malaysia terhadap hasrat iklim global dan agenda kemampanan; dan
- v. Sehubungan itu, beberapa langkah bagi menyokong matlamat penerapan ESG dalam GLIC dan syarikat MKD adalah seperti berikut:
 - a. Penyediaan standard bagi pengurusan dan pelaburan ESG bagi GLIC dan syarikat MKD;
 - b. Laporan dan Kenyataan Kemampanan tahunan untuk meningkatkan ketelusan dalam amalan pelaburan mampan GLIC dan syarikat MKD;
 - c. Memperkenalkan KPI projek berkaitan teknologi hijau, iklim, dan lain-lain berkaitan prinsip ESG untuk GLIC dan syarikat MKD;
 - d. Sokongan, bimbingan dan sesi libat urus yang berterusan kepada GLIC dan syarikat MKD; dan
 - e. Pemberian insentif kepada GLIC dan syarikat MKD yang menerap prinsip ESG dalam perniagaan dan pelaburan.

5. JANGKAAN IMPAK

- 5.1 Tumpuan kepada ESG dan pelaburan mampan oleh GLIC dan syarikat MKD akan menyokong inisiatif dan menyumbang kepada usaha Kerajaan di dalam mencapai matlamat pembangunan mampan. Melalui penambahbaikan pengurusan perniagaan dan pelaburan GLIC dan syarikat MKD yang berpaksikan ESG, GLIC dan syarikat MKD dijangka mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi seterusnya mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat.
- 5.2 Langkah ini juga akan dapat membantu pertumbuhan dan pembangunan syarikat untuk terus berdaya saing dan berdaya tahan di pasaran global dan berupaya menyesuaikan kemampuan syarikat terhadap risiko perubahan iklim.
- 5.3 Selain itu, pewujudan satu standard berkaitan pengurusan ESG dalam

- perniagaan dan pelaburan GLIC dan syarikat MKD akan dapat dijadikan sebagai rujukan maklumat dan panduan untuk merealisasikan penerapan ESG dalam pengurusan perniagaan dan pelaburan GLIC dan syarikat MKD. Ia seterusnya dapat menyumbang kepada matlamat negara untuk mencapai pembangunan mampan.
- 5.4 Komitmen GLIC dan syarikat MKD untuk menerapkan kemampanan dalam pelaburannya akan memberi inspirasi dan membuka jalan kepada lebih ramai syarikat dan pelabur untuk mengikuti jejak GLIC dan syarikat MKD ke arah pembangunan mampan di Malaysia.

6. RUMUSAN

- 6.1. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan matlamat pembangunan mampan negara dicapai. Penambahbaikan pengurusan GLIC dan syarikat MKD dengan penerapan ESG dalam perniagaan dan pelaburan dijangka dapat meningkatkan hasil, daya saing dan daya tahan syarikat dalam pasaran. Ia juga dijangka memberi impak berganda kepada usaha pemulihian ekonomi negara melalui penyediaan peluang pekerjaan.

7. SOALAN DAN MAKLUM BALAS

- 7.1 Pada pandangan anda, pada masa ini sejauh mana penerapan ESG dalam perniagaan dan pelaburan syarikat GLIC dan syarikat MKD? Adakah peningkatan penerapan ESG dalam pelaburan terutamanya mampu meningkatkan daya saing syarikat di pasaran?
- 7.2 Apakah halangan yang boleh dikenalpasti yang menghalang penerapan ESG dalam pengurusan perniagaan dan pelaburan GLIC dan syarikat MKD? Sebagai contoh, dasar Kerajaan sedia ada?
- 7.3 Adakah langkah penyediaan standard bagi GLIC dan syarikat MKD akan dapat membantu syarikat mempercepatkan penerapan ESG di dalam perniagaan dan pelaburan mereka?
- 7.4 Pada pandangan anda, adakah pengenalan kepada KPI projek berkaitan teknologi hijau, iklim, dan lain-lain berkaitan prinsip ESG untuk GLIC dan syarikat MKD serta penyediaan Laporan dan Kenyataan Kemampanan tahunan oleh GLIC dan syarikat MKD dapat membantu pemantauan ke atas syarikat-syarikat ini di dalam menerapkan ESG dalam perniagaan dan pelaburan?
- 7.5 Pada pandangan anda, adakah wajar GLIC dan syarikat MKD yang menerapkan prinsip ESG dalam perniagaan dan pelaburan diberikan pengecualian cukai?
- 7.6 Apakah langkah penambahbaikan atau inisiatif lain yang boleh dilaksanakan bagi memastikan usaha penerapan ESG dalam GLIC dan syarikat MKD ini berjaya? Berikan contoh atau bukti kejayaan bagi cadangan yang diberikan (jika ada).

TAMAT
